

Mereka kembali ke sekolah minggu lalu berbekal bukan sahaja seragam dan peralatan sekolah baru, malah, pelajar dan pesilat muda, Muhammad Hazim Mohd Yusli, 14 tahun; dan Sharifah Shazza Samsuri, 15 tahun, menjulang gelaran juara dunia selepas memenangi kategori masing-masing di Kejohanan Pencak Silat Belia Dunia minggu lalu. Kemenangan itu membakar tekad mereka terus berjaya, kata mereka kepada BERITA MINGGU.

Hazim sasar emas di Sukan SEA

LAPORAN



NORMAN SAWI
normans@sph.com.sg

Sifatkan kejayaan hasil bimbingan jurulatih

masa dan tenaganya bagi menghadiri latihan silat tiga hingga empat kali seminggu sambil memenuhi komitmen di sekolah.

Hazim menganggotai pasukan hoki sekolahnya sebagai kegiatan kokurikular dan mengaku berasa keletihan, terutama kerana perlu meluangkan masa satu setengah jam perjalanan dari tempat kediamannya di Choa Chu Kang ke dewan latihan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) di Kompleks Sukan Bedok.

"Memang saya berasa begitu penat... mujurlah ibu bapa saya selalu membantu mengurut badan saya selepas sesi latihan.

"Orang tua saya selalu mengingatkan saya bahawa pengorbanan ini adalah sesuatu yang wajar dilakukan jika saya ingin melangkah jauh dalam sukan ini," katanya.

Beliau menambah: "Kemungkinan ini memang manis... tapi bagi saya ia telah menjadi sejarah.

"Kini, saya perlu tumpukan perhatian pada sasaran baru," kata Hazim, yang berazam memenangi pingat emas di Sukan Asia Tenggara (SEA) pada masa depan.

TUBUHNYA kurus. Kaca mata bentuk bujur yang menghiasi wajahnya pula menjadikan Muhammad Hazim Mohd Yusli sebagai remaja setempat yang bersifat ulat buku atau kaki komputer.

Tidak ramai yang mudah percaya bahawa pelajar menengah tiga di Sekolah Menengah Teck Whye ini kini bergelar juara dunia.

Hazim, 14 tahun – beliau menyambut ulang tahunnya yang ke-15 Oktober nanti – tersenyum simpul apabila komen itu diajukan kepadanya.

"Saya tak kisah. Paling penting saya tahu pencapaian saya. Keluarga saya, rakan dan guru saya juga tahu pencapaian saya itu benar," kata Hazim, acuh tak acuh.

"Saya berasa bangga dan gembira kerana berjaya menjadi juara dunia," tambahnya.

Minggu lalu, di luar dugaan lebih 1,000 penonton di Stadium Titiwangsa di Kuala Lumpur, Hazim menundukkan lawannya, Lin Duc Hoa, 5-0 dalam final Kelas A (39-43 kilogram) di Kejohanan Pencak Silat Belia Dunia.

Beliau turut menewaskan pesilat tuan rumah, Aizad Akbar, dengan jurang mata yang sama pada separuh akhir.

Malah, sebelum final acara tanding itu, Hazim juga telah mengharumkan nama negara apabila berganding dengan Muhammad Affiz Mohamed Zakri dan Amirul Syafiq Mohamed Faizul bagi memenangi pingat gangsa acara seni berpasukan lelaki.

Pencapaiannya itu membantu rombongan Singapura pulang dengan pungutan dua emas, lima perak dan tujuh gangsa.

Bersifat rendah hati, Hazim berkata kejayaannya adalah kerana bimbingan jurulatih yang memilih strategi 'serang balas' baginya pada acara final.

"Saya hanya turuti apa yang diperintah jurulatih. "Saya tahu saya dah berlatih bersungguh-sungguh... jadi tinggal hendak melaksanakan yang sama di gelanggang," katanya.

Perjalanan Hazim ke puncak silat belia bermula semasa beliau menyertai perguruan silat Grasio Choa Chu Kang ketika berusia sembilan tahun.

Prestasinya yang baik di pertandingan setempat membawanya ke skuad nasional tiga tahun lalu.

Menurut Hazim, intensiti latihan bersama skuad nasional berlipat ganda berbanding latihan di peringkat kelab.

Malah, beliau masih bergelut dalam mengimbangi



JUARA BERGANDA: Hazim bukan sahaja memenangi pingat emas dalam acara tanding, malah sebutir gangsa dalam acara seni di Kejohanan Pencak Silat Belia Dunia minggu lalu. – Foto PERSISI

"Saya tahu saya dah berlatih bersungguh-sungguh... jadi tinggal hendak melaksanakan yang sama di gelanggang."

– Muhammad Hazim Mohd Yusli.

KEMENANGAN MEMBAKAR SEMANGAT: Kemenangan di kejohanan dunia telah membakar semangat Hazim, 14 tahun, untuk melangkah lebih jauh dalam pencak silat. – Foto TUKIMAN WARJI

SENARAI PEMENANG PINGAT DI KEJOHANAN PENCAK SILAT BELIA DUNIA

PINGAT EMAS

Muhammad Hazim Mohd Yusli (Tanding, Lelaki Kelas A)

Sharifah Shazza Samsuri (Tanding, Perempuan Kelas E)

PINGAT PERAK

Muhammad Riansyauqi Mistam (Tanding, Lelaki Kelas C)

Nur Hakim Norshamsuddin (Tanding, Lelaki Kelas H)

Nujaid Hasif Zainal Abidin (Seni, Tunggal Putera)

Nurzianah Mohammad Yazid dan Amirah Sahrin (Seni, Ganda Puteri)

Nurul Syafiqah Mohamed Faizul, Nurul Irbah Muhammad Razali dan Zaherah Mohamed Zakaria (Seni, Berpasukan perempuan)

PINGAT GANGSA

Syafiq Syazry Abdul Majid dan Nur Hakim Norshamsuddin (Seni, Ganda Putera)

Muhammad Hazim Mohd Yusli, Muhammad Affiz Mohamed Zakri dan Amirul Syafiq Mohamed Faizul (Seni, Berpasukan lelaki)

Nurzianah Mohammad Yazid (Seni, Tunggal Puteri)

Muhammad Nashiruddin Khamis (Tanding, Lelaki Kelas E)

Muhammad Hafiyyan Taufik (Tanding, Lelaki Kelas I)

Daniel Hamezi Mohamad Nazri (Tanding, Lelaki Kelas L)

Amirah Sahrin (Tanding, Perempuan Kelas B)

Berita Minggu | 10 Januari 2016

Sukan